

Jabatan Perkhidmatan Awam,  
Malaysia,  
Tingkat 9-14, Bangunan UMBC,  
Jalan Sulaiman,  
Kuala Lumpur.  
6hb. Ogos, 1974.

Tuan,

**SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 10 TAHUN 1974**

**Elaun Hitungan Batu - Badan-badan Berkanun**

**dan Kuasa-kuasa Tempatan**

Adalah dimaklumkan bahawa pada umumnya kadar elaun Hitungan Batu yang dibayar kepada pekerja-pekerja Badan Berkanun dan Kuasa Tempatan sekarang ini adalah seperti berikut:-

- (a) Elaun Tidak Tetap (Variable Mileage Allowance);
- (b) Elaun Tetap serta Elaun Tidak Tetap mengikut kadar yang dikurangkan (fixed mileage plus variable allowance at reduced rates);
- (c) Elaun Gantian Tetap (Fixed Commuted Allowance);
- (d) Kadar tetap (fixed rates).

2. Kerajaan telah memutuskan bahawa kadar Elaun Hitungan Batu yang di bayar bagi pekerja-pekerja dalam Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan hendaklah selaras dengan kadar yang dibayar kepada pekerja-pekerja Kerajaan yang setaraf. Oleh itu Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan olehlah menyelaraskan kadar elaun Hitungan batu masing-masing menurut kadar yang ditetapkan dalam Pindaan No. 1 kepada Pekeliling Perbendaharaan No. 4/1974 seperti di [lampiran 'A'](#) . Walau bagaimanapun satu di atas hendaklah terus dikekalkan menurut peraturan yang sedia ada sekarang ini.

3. Tarikh kuatkuasa penyelarasan ini ialah 1hb. Jun, 1974.

Saya yang menurut perintah,

(MOHD ALI BIN HASSAN)

Bahagian Gaji,  
b.p. Ketua Pengarah  
Perkhidmatan Awam,  
Malaysia.

Semua Ketua Setiausaha, Kementerian-  
kementerian.

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri.

s.k. Akauntan Negara,  
Jabatan Akauntan,  
Malaysia,

KUALA LUMPUR

Semua Badan-badan Berkanun dan Kuasa-  
kuasa Tempatan

## KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA MALAYSIA

## PINDAAN NO. 1 KEPADA PEKELILING PERBENDAHARAAN NO. 4/1974

## KADAR-KADAR HITUNGAN BATU

1. Kadar-kadar Hitungan Batu yang ditetapkan dalam Bab I, perenggan 3 (vii) adalah dipinda seperti berikut:-

Perjalanan kerana bertugas dalam tiap-tiap bulan	Kelas 'A' sen sebatu	Kelas 'B' sen sebatu	Kelas 'C' sen sebatu	Kelas 'D' Motosikal sen sebatu	Kelas 'E' Motosikal ringan dan Motorskuter sen sebatu
Bagi 100 batu yang pertama	46	44	39	20	11
Bagi 100 batu yang kedua	42	40	34	18	9
Bagi 100 batu yang ketiga	40	37	32	15	8
Bagi 100 batu yang keempat	37	35	32	15	8
Bagi 100 batu yang kelima	37	35	30	13	7
Bagi 100 batu yang keenam	36	34	29	13	7
Bagi 100 batu yang ketujuh	36	34	29	11	6
Bagi 100 batu yang kedelapan	35	33	28	11	6
Bagi 100 batu yang kesembilan	35	33	28	11	6
Bagi 100 batu kesepuluh	34	32	26	11	6

dan lebih.....

## KADAR ELAUN GANTIAN MOTOBOT

2. Kadar elaun Gantian Motobot yang terkandung dalam bab I, perenggan 3 (x) adalah dipinda seperti berikut:-

27 sen sejam bagi tiap-tiap satu unit kuasa kuda.

3. Kadar-kadar ini adalah berkuatkuasa mulai daripada 1hb. Jun, 1974, iaitu bagi perjalanan yang dibuat di dalam bulan Jun, 1974.

TAN SRI CHONG HON NYAN,  
Ketua Setiusaha Perbendaharaan

PERBENDAHARAAN,  
MALAYSIA,  
KUALA LUMPUR.

27hb. Mei, 1974.